



#SayaDigital  
Memacu Masyarakat Digital

Ketahui lebih lanjut bagaimana gerakan #SayaDigital dapat membantu untuk meningkatkan tahap literasi digital anda.

Sertai Gerakan #SayaDigital sekarang!  
Layari [www.mdec.my/sayadigital](http://www.mdec.my/sayadigital)



AM

## Vaksin: MPIC cadang gabung program VACOMS dengan MOVAK - Zuraida



Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, Datuk Dr Zuraida Kamaruddin (tengah) dan timbalannya, Datuk Seri Dr Wee Jock Seng (kiri) beramah mesra bersama penerima suntikan vaksin COVID-19 ketika mengadakan lawatan pada Program Vaksinasi untuk Sektor Agrikomoditi (VACOMS) di Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) Olak Lempit Banting

04/09/2021 02:06 PM

ADVERTISEMENT

BANTING, 4 Sept – Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi (MPIC) mencadangkan untuk menggabungkan program vaksinasinya, Program Vaksinasi Sektor Agrikomoditi (VACOMS) dengan Program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menteri Perusahaan Perlindungan dan Komoditi Datuk Zuraida Kamaruddin berkata ia bertujuan agar program berkenaan menjangkau ke tempat-tempat yang terpencil.

“Saya akan satukan kerana MOVAK mempunyai pasukan logistik yang boleh turun ke tempat-tempat pedalaman dan kita akan menggunakan unit bergerak yang kita ada untuk bergabung dengan MPIC agar kita dapat menjangkau di tempat-tempat perladangan yang terpencil,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa lawatan kerja ke Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) VACOMS Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) di Pusat Biokomposit dan Gentian (FIDEC), Olak Lempit, di sini hari ini.

Dalam lawatan sulung selepas menjawat jawatan berkenaan, Zuraida berkata 10,005 pekerja daripada syarikat kilang berasaskan kayu dan perabot telah divaksinasi untuk dos pertama yang berakhir pada 16 Ogos lepas dan hanya 1,500 dos kedua untuk diberikan dalam jangka masa dua hari.

Program VACOMS adalah anjuran bersama MTC dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang bermula dari 28 Julai hingga 6 Sept 2021.

Mengenai indeks pencapaian utama (KPI) MPIC dalam 100 hari pertama, Zuraida berkata fokus diberikan kepada usaha-usaha pemasaran, peningkatan jualan dan kualiti produk.

“Ada beberapa perkara yang telah dibincangkan tetapi belum dimuktamadkan...sudah tentu kita akan fokus kepada perkara-perkara yang akan meningkatkan produktiviti, kualiti, kelestarian dan pengurusan yang berhemah serta menjimatkan kos,” katanya.

Beliau berkata wujud kemungkinan penyusunan dan semakan semula dalam dasar kementerian dan akan ditambah baik jika ada keperluan.

-- BERNAMA

Bernama menyediakan sumber terkini maklumat berita sahih dan komprehensif kepada umum dan agensi media. Berita kami dipaparkan di laman web [www.bernama.com](http://www.bernama.com) ; siaran BERNAMA TV: Saluran Astro 502, Saluran unifi TV 631, Saluran MYTV 121 IFLIX; dan siaran Bernama Radio di frekuensi FM93.9 bagi Lembah Klang, Johor (FM107.5), Kota Kinabalu (FM107.9) and Kuching (FM100.9).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)

Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)

Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial), [@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)

TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)

ADVERTISEMENT

## Royalty free music for videos

Royalty free music used by the creators you love from all over the

### Kata Kunci

vacoms

movak

mpic

kpkt

zuraida kamaruddin

### Berita Berkaitan



Kediaman untuk golongan terkesan pandemik COVID-19 pada sewa minimum



Reezal Merican mula tugas rasmi sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

2.2 peratus penjawat awam belum daftar untuk vaksin